

Mahathir anggap (p) kerajaan pimpinannya lebih demokratik

KUALA LUMPUR 28 Okt. — Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad menganggap, kerajaan dipimpinnya adalah lebih demokratik dalam beberapa hal dari kerajaan pimpinan Perdana Menteri pertama, Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj.

Tegas Presiden UMNO itu, sekarang ini sebegitu lantang tuduhan - tuduhan yang mengatakan kerajaannya sebagai tidak demokratik dan apa yang lebih malang ialah tuduhan seperti itu datangnya dari Tunku Abdul Rahman sendiri.

"Kita tidak mahu menyetujui tentang pentadbiran dan tindakan - tindakan Tunku.

"Kita menghormati beliau sebagai seorang tokoh negara tetapi malangnya Tunku sendiri telah dikelirukan dan diseretkan ke dalam permainan politik pihak - pihak tertentu untuk memenuhi kemahuan mereka.

Runding

"Sebenarnya yang tidak demokratik ialah kerajaan Malaysia yang pertama kerana umum mengetahui bahawa UMNO, Perikatan dan kabinet tidak pernah dirunding sama sekali apabila pengumuman dibuat mengenai penubuhan Malaysia di satu majlis di Singapura," tegas Datuk Sri Dr. Mahathir ketika berucap di Perhimpunan Agung UMNO hari ini.

Menurut beliau, perkara yang sebegini besar sepatutnya diberi peluang kepada semua pihak menyuarakan pendapat mereka jika demokrasi benar-benar wujud pada ketika itu.

Menurut Datuk Sri Dr. Mahathir lagi, keadaan yang sama berulang ketika keputusan pemisahan Singapura

karang tidak demokratik sebabnya ialah kerana adanya segelintir bekas ahli UMNO yang kecewa ingin berkuasa dan ingin memburukkan imej kerajaan.

"Sebenarnya mereka-lah yang tidak demokratik, menolak keputusan ramai dan bertindak secara kejam, menyingkirkan orang - orang yang mereka tidak suka ketika mereka berkuasa dahulu," kata beliau.

Datuk Sri Dr. Mahathir selanjutnya menyoal, "siapakah yang sebenarnya tidak demokratik, kerajaan - kerajaan dahulu atau kerajaan yang ada sekarang?"

dari Malaysia dibuat.

"Dari London, keputusan muktamad dibuat untuk memisahkan Singapura dari Malaysia dan Allahyarham Tun Razak cuma diberitahu tentang keputusan ini.

Tentang

"Allahyarham Syed Jaafar Albar yang kemudian menentang tindakan itu digugurkan daripada jawatan Setiausaha Agung UMNO," kata Perdana Menteri.

Kata Datuk Sri Dr. Mahathir, begitu juga dalam menggunakan Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) di mana lebih dari 2,000 orang berada dalam tahanan semasa pemerintahan tiga Perdana Menteri dahulu.

Datuk Sri Dr. Mahathir berkata, bukan sahaja komunis yang ditahan di bawah ISA malah anggota politik turut ditahan termasuk bekas menteri, Encik Aziz Isahak dan Encik Anwar Ibrahim, sambil disambut dengan gelak ketawa oleh para perwakilan apabila nama Menteri Pendidikan itu disebut.

"Jika hari ini terdapat tuduhan yang mengatakan bahawa kerajaan se-